

SIARAN MEDIA
14 Disember 2015

EKUINAS MENERUSKAN PENSTRUKTURAN SEMULA PORTFOLIO MAKANAN & MINUMAN (F&B) MELALUI PELUPUSAN KEPENTINGAN DALAM SAN FRANCISCO COFFEE

Fakta-Fakta Utama: -

- Ekuinas meneruskan penstrukturans semula portfolio makanan & minuman (F&B) melalui pelupusan 90% kepentingan ekuiti dalam San Francisco Coffee (SF Coffee).
- Ekuinas, bersama rakan pelaburnya, Datuk Rahim Zin, telah memeterai perjanjian bersyarat bersama sebuah konsortium yang terdiri daripada Platinum Appreciation Sdn Bhd (Platinum Appreciation) dan Brothers Coffee Ventures Sdn Bhd (BCV) (dahulunya dikenali sebagai Brothers Burger Ventures Sdn Bhd) untuk menjual 100% kepentingan dalam Lyndarrahim Ventures Sdn Bhd, syarikat induk bagi SF Coffee untuk perolehan kasar sebanyak RM24 juta.
- Pelupusan ini juga membolehkan Ekuinas memberi tumpuan sepenuhnya kepada segmen-segmen terasnya iaitu perniagaan restoran kasual dan francais pencuci mulut yang merangkumi jenama-jenama seperti Tony Roma's, Manhattan Fish Market, New York Steak Shack dan Coolblog. Kesemua jenama ini menjana pendapatan gabungan sebanyak kira-kira RM300 juta yang beroperasi menerusi lebih daripada 400 cawangan di beberapa rantau.

PETALING JAYA, 14 Disember 2015: Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, hari ini mengumumkan bahawa ia meneruskan penstrukturans semula portfolio makanan & minuman (F&B) dengan pelupusan 90% kepentingan ekuitinya dalam San Francisco Coffee (SF Coffee).

Ekuinas, bersama rakan pelaburnya, Datuk Abdul Rahim Mohd Zin, telah memeterai perjanjian bersyarat bersama sebuah konsortium yang terdiri daripada Platinum Appreciation Sdn Bhd (Platinum Appreciation) dan Brothers Coffee Ventures Sdn Bhd (BCV) (dahulunya dikenali sebagai Brothers Burger Ventures Sdn Bhd) untuk menjual 100% kepentingan dalam Lyndarrahim Ventures Sdn Bhd, syarikat induk bagi SF Coffee untuk perolehan kasar sebanyak RM24 juta.

Platinum Appreciation adalah sebuah anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Envictus International Holdings Limited (Envictus), sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham

Singapura di mana Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya adalah Dato' Jaya J B Tan dan Dato' Kamal Y P Tan dan BCV diterajui oleh Datuk Ahmad Zaki Zahid dan Ahmad Zubir Zahid. Perjanjian yang ditandatangani adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu, termasuk persetujuan para pemegang saham Envictus yang dijangka akan dimuktamadkan menjelang akhir suku pertama 2016.

Konsortium tersebut dipilih selepas ia memberikan tawaran yang terbaik dalam sebuah proses penjualan yang menarik minat beberapa pihak tempatan dan antarabangsa. Pelupusan ini berupaya menggantikan hampir keseluruhan kos asal pelaburan walaupun mewakili IRR negatif minimum sebanyak 5%.

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, "Selepas berjaya mengembangkan rangkaian kopi tempatan yang popular ini dari 15 cawangan pada peringkat awal ke 28 cawangan, kami berbesar hati untuk menyerahkan SF Coffee kepada Envictus dan BCV yang mempunyai sumber serta kepakaran operasi yang diperlukan untuk membawa jenama ini ke peringkat perkembangan yang seterusnya."

"Pelupusan ini juga membolehkan Ekuinas memberi tumpuan sepenuhnya kepada segmen-segmen teras kami iaitu perniagaan restoran kasual dan francais pencuci mulut yang merangkumi jenama-jenama seperti Tony Roma's, Manhattan Fish Market, New York Steak Shack dan Coolblog. Kesemua jenama ini menjana pendapatan gabungan sebanyak kira-kira RM300 juta yang beroperasi menerusi lebih daripada 400 cawangan di beberapa rantau," tambah Dato' Abdul Rahman Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas.

Pelupusan ini adalah sebahagian daripada strategi pelupusan aset Ekuinas sebagai firma ekuiti persendirian selepas lebih enam tahun beroperasi. Sehingga kini, Ekuinas telah menjalankan lima pelupusan separa dan pelupusan penuh dengan jumlah hasil direalisasi melebihi RM1 bilion.

- Tamat -

Mengenai Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Dengan bermodalkan dana peruntukan kerajaan bernilai RM5 bilion di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10, Ekuinas berhasrat menubuhkan syarikat-syarikat terkemuka generasi baru Malaysia di samping menggalakkan penglibatan golongan Bumiputera dalam bidang ekonomi secara saksama, berkesan dan berkekalan. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat-syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam bidang barang pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan serta makanan dan minuman.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Hairuddin Mohd Noh, Weber Shandwick, HMohdNoh@webershandwick.com (03) 6209 5241

Amirah Aziz, Weber Shandwick, AAziz@webershandwick.com (03) 6209 5224